

KAJIAN KEBERKESANAN SUSUN ATUR RUANG DI
TERMINAL BAS TERHADAP SIRKULASI BANGUNAN
DAN ALIRAN PENGUNJUNG

NOOR LAILY BT MOHAMAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Universiti Teknologi Malaysia

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS♦

JUDUL: KAJIAN KEBERKESANAN SUSUN ATUR RUANG DI
TERMINAL BAS TERHADAP SIRKULASI BANGUNAN
DAN ALIRAN PENGUNJUNG

SESI PENGAJIAN: 2001/2002

Saya NOOR LAILY BT MOHAMAD
 (HURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/~~Sarjana/Doktor Falsafah~~)* ini disimpan di Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Teknologi Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Teknologi Malaysia dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. **Sila tandakan (✓)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)


TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD


 (TANDATANGAN PENULIS)

Disahkan oleh


 (TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat Tetap:
30, LORONG IM 2/17,
INDERA MAHKOTA 2,
25200 KUANTAN, PAHANG.

PN. WAN HASHIMAH WAN ISMAIL

Nama Penyelia

Tarikh: 4 OKTOBER 2001

Tarikh: 4 OKTOBER 2001

- CATATAN:
- * Potong yang tidak berkenaan.
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
 - ♦ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

Abstrak

Kajian topikal ini adalah mengenai keberkesanan susun atur ruang di terminal bas terhadap sirkulasi bangunan secara keseluruhan dan aliran pengguna. Antara aspek-aspek penting yang diberi penekanan di dalam kajian ini ialah perbincangan mengenai aspek-aspek perancangan susun atur ruang terminal bas yang baik dan kurang baik, serta mengkaji pertalian antara aktiviti-aktiviti pengguna dengan perancangan susun atur ruang. Selain itu kajian juga dilakukan terhadap pola aliran dan pergerakan pengguna di terminal bas berdasarkan konsep perancangan susun atur ruang yang ada serta faktor-faktor yang mempengaruhi pola aliran dan pergerakan tersebut.

Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah melalui kajian literatur dan kajian kes di Komplek Pengangkutan Awam Terminal One, Seremban. Kajian literatur terdiri daripada bahan literatur yang berkaitan dengan terminal bas seperti penyediaan kemudahan awam di terminal bas dan jenis-jenis susun atur yang digunakan di dalam rekabentuk terminal bas. Kajian kes pula dijalankan dengan membuat pemerhatian, soal selidik dan temuramah pihak pengurusan dan pengguna terminal bas. Seterusnya, analisa kajian dilakukan dengan membuat perbandingan antara keberkesanan perancangan susun atur ruang di Kompleks Pengangkutan Terminal One dengan konsep perancangan susun atur ruang yang baik bagi sebuah terminal bas.

Hasil daripada kajian dapat menentukan strategi serta keperluan-keperluan perancangan susun atur ruang terminal bas yang perlu diberi penekanan bagi menjamin keberkesanan fungsi sesebuah ruang dan aliran pergerakan pengguna yang seimbang. Selain itu, hasil kajian ini membuktikan kepentingan perancangan yang teliti dan sempurna sesebuah terminal bas perlu diambil kira bagi memastikan tiada masalah yang boleh menjejaskan kepentingan, keselesaan pengguna dan sistem pengangkutan awam di sesebuah bandar. Ini kerana, fungsi terminal bas bukan sahaja menyediakan kemudahan perkhidmatan pengangkutan awam serta kemudahan-kemudahan awam yang lain tetapi membantu penjanaaan pembangunan sesebuah bandar.